



21 Jun 2017
21 June 2017
P.U. (A) 186

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2017

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 2) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) (PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 2) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 2) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 22 Jun 2017.

Peremitan cukai

2. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

(a) Malaysia Debt Ventures Berhad (No. Syarikat: 578113-A) yang baginya Akta terpakai menurut kuasa di bawah Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Malaysia Debt Ventures Berhad) 2007 [P.U. (A) 284/2007];

(b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam, yang disebut "Sukuk Murabahah" dalam Perintah ini; atau

(c) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program Nota Jangka Sederhana Islam, yang disebut "Program GG Sukuk" dalam Perintah ini, atau Pembiayaan Kredit Pusingan Bersindiket, yang disebut "Pembiayaan SRC-i" dalam Perintah ini,

atau jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia, termasuklah mana-mana pihak yang kepadanya perjanjian, nota, surat cara dan dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

3. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan produk, kemudahan, program dan jaminan yang disebut dalam perenggan 4 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Pemakaian

4. Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) Sukuk Murabahah yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh Malaysia Debt Ventures Berhad menurut Program GG Sukuk dengan nilai nominal sehingga satu bilion ringgit (RM1,000,000,000.00):

Dengan syarat bahawa agregat bergabung nilai nominal belum berbayar Sukuk Murabahah dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Pembiayaan SRC-i hendaklah tidak melebihi satu bilion ringgit (RM1,000,000,000.00);

- (b) Pembiayaan SRC-i yang diperoleh atau akan diperoleh oleh Malaysia Debt Ventures Berhad dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi lima ratus juta ringgit (RM500,000,000.00) tertakluk kepada agregat bergabung yang disebut dalam subperenggan (a); dan
- (c) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Sukuk Murabahah dan Pembiayaan SRC-i.